



Di-sana sini merayakan

## HARI KEPUTERA'AN BAGINDA QUEEN ELIZABETH II TAHUN INI Bintang Kehormatan M.B.E. untok S.R.

HARI KEPUTERA'AN Seri Ratu Baginda Queen Elizabeth II tahun ini telah di-raikan dengan sachara besar2an di-Bandar Brunei dan juga di-Kuala Belait berlangsung pada 12hbl. June, 1958. Para penduduk di-Bandar Brunei yang turut mengambil bahagian dalam upacara sambutan ini berbilang lebeh dari 2,000 orang termasuk dari segala bangsa dan lapisan musharakat.

Di-Brunei perayaan telah bertempat di-kawasan berhadapan dengan Pejabat2 Keraja'an, dan selepas itu jamuan minuman telah di-adakan di-rumah Tuan British Resident Yang Berhormat <sup>M</sup>r J.O. Gilbert.

Dalam istiadat ini, Tuan British Resident telah mengumumkan bahawa dengan persetujuan Yang Maha Mulia Baginda Queen dan dengan amat sukachita Baginda mengenugerahkan pingat2 kehormatan M.B.E. (Member of the British Empire) kepada Yang Mulia Inche' Taib bin Awang Besar yang sekarang berkhidmat kepada Keraja'an Brunei di-Pejabat British Resident sabagai Secretary kepada Resident (S.R.).

Inche' Taib sekarang berumur 42 tahun, telah mulai berkhidmat dengan Keraja'an Brunei sabagai sa-orang Kerani di-Pejabat British Resident pada tahun 1934. Pada 1hbl. January, 1935 beliau telah di-tukar ka-Pejabat Kerjaraya juga sabagai sa-orang Kerani.

( lihat muka surat 4 )

\*\*\*\*\*

Dengan persetujuan Sultan dalam Council, Tuan British Resident dengan sukachitanya melantek Yang Mulia Inche' Taib bin Awg Besar menjadi Magistrate (hakim) Kelas I mulai dari 3hbl June, 1958.

Mulai dari tarikh itu juga Mr D.L. Bruen tidak lagi menjadi Assistant Resident Brunei.

Mr Patrick G. McAfee, Brunei Administrative Officer telah di-tugaskan membuat kerja2 khas di-Office British Resident, Brunei, mulai dari 31hbl. May, 1958.

British Resident juga telah melantek Mr G.H. Gettens LL.B. (Sydney) menjadi Pendaftar Sharikat2 Perniaga'an Brunei.

\*\*\*\*\*

OLAHRAGA ANTARA KETIGA2 DAERAH DI-BORNEO BRITISH TAHUN INI  
BERTEMPAT DI-BANDAR BRUNEI.

Perjumpa'an olahraga antara ketiga2 Daerah di-Borneo British: Brunei, Borneo Utara dan Sarawak akan segera berlangsung pada hari2 Juma'at dan Sabtu 20 dan 21 hbl. June yang akan datang ini bertempat di-Padang Pekan Brunei. Upachara ini akan di-buka dengan resmi-nya oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei yang juga menjadi Gubernur Negeri Sarawak, Sir Anthony Foster Abell.

Antara tetamu agong di-upachara tersebut akan ikut serta Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Tuan Yang Terutama Gubernur Borneo Utara Sir Roland Turnbull dan Yang Berhormat Tuan British Resident J.O. Gilbert dan lain-nya.

Upachara sukan akan di-mulakan pada pukul 3.00 petang pada Hari Juma'at dan pukul 2.30 petang pada Hari Sabtu.

DI-PINJARA KERANA MELAKUKAN JIMA'

Sa-orang teruna yang berumur 22 tahun telah di-dapati salah kerana melakukan jima' ka-atas sa-orang isteriyang berumur 15 tahun. Perbuatan chemar ini telah di-lakukan oleh kedua-nya ini pada jam 1.40 pagi 23hbl May yang lalu. Demikian telah di-bicharakan di-Mahkamah Senior Kadzi di-Kuala Belait.

Teruna itu bernama Bujang bin Ismail telah di-jatuhkan hukuman penjara selama satu bulan dengan kerja berat manakala Tawyah bt. Libut (isteri kepada Hussain bin Ludin) telah di-jatuhkan hukuman penjara selama 2 minggu berkerja ringan.

\*\*\*\*\*

PERTANDINGAN MEMBACHA Q O R A N  
sambutan Bulan Moharram

Bagi menyambut Tahun Baharu Hijerah (Tahun Islam), 13378 kali ini akan di-adakan saperti biasa pertandingan membacha Al-Qoran anjoran Persatuan Kesatuan Islam, Brunei.

Sultan Mohammad Jamal al-Alam, Pekan Brunei tidak lewat dari 5hbl. July, 1958. Hantar lah nama yang terang.


Pertandingan ini akan di-adakan di-Mesjid Besar Pekan Brunei pada 19hbl. July, 1958 bersama'an dengan 2hbl. Moharram, 1378; dan ini terbuka kepada orang2 dewasa dan budak2 sekolah.

Pertandingan bagi orang2 dewasa akan di-bahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian "A" dan "B".

Yang berjaya mendapat tempat yang pertama dan kedua dalam bahagian "B" akan dapat masuk bertanding ka-dalam bahagian "A", dan saterusnya yang berjaya dari bahagian ini akan memasoki pertandingan seluroh Negeri Brunei, yang akan di-langkan pada 27hbl. July, 1958, juga bertempat di-Mesjid Besar Pekan Brunei.

Orang ramai yang ingin menchalonkan diri dalam pertandingan2 ini adalah dengan ini di-pinta menghantar-kan nama-nya terus kepada Setia Usaha Pertandingan Membacha Qoran dengan memakai alamat ka-Sekolah Melayu

DI-SEKITAR PEMBUKA'AN RESMI SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH




- dari muka pertama -

Inche' Taib kemudian dari itu telah di-tukar lagi ka-Pejabat Kehutanan di-Kuala Belait pada lhbl. May, 1935. Pada lhbl. June, 1940 beliau telah di-lantek menjadi Penolong Pemungut Hasil2 Tanah di-Brunei dan kemudian-nya telah di-lantek pula menjadi Pegawai Daerah Kuala Belait pada lhbl. May, 1941.

Samenjak 16hbl. November, 1946, Inche' Taib telah di-lantek menjadi Setia Usaha kepada British Resident Brunei hingga ka-masa ini.

Di-ke dua2 Daerah yang menyambut dan merayakan hari yang termaklum ini telah mengambil bahagian Pasokan2 Police, Pengkap2 lelaki dan perempuan, Anggota2 dari Jabatan Custom dan Marine, budak2 sekolah dari Sekolah2 Melayu, English dan China, Pasokan Palang Merah dan pembesar2 Brunei berserta orang2 ramai yang terdiri dari segala Bangsa dan Ugama.




DIRECTOR COLOMBO PLAN BUREAU DI-BRUNEI

Tuan Director bagi Colombo Plan Bureau Mr R.H. Wade telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada 10 hbl. June yang lalu ini dari Jesselton.


Tiba sahaja beliau di-Brunei, beliau telah berunding2 dengan Ketua2 Pejabat Kerajaan Brunei mengenai hal yang bersangkutan dengan Colombo Plan bagaimana ia-nya boleh memberi pertolongan kepada Kerajaan Brunei. Perundingan ini telah bertempat di-Pejabat Commissioner bagi Perkembangan Negeri.

Mr Wade telah bertolak ka-Kenawit, Sarawak pada ke'esokan hari-nya.



UNDANG2 IMMIGRATION PESTI BERJALAN -

Undang2 Immigration sabagaiman yang telah di-siarkan melalui radio dan akhbar2 tempatan tetap akan berjalan kuatkuasa-nya mulai lhbl. July, 1958 ini. Demikian penetapan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Council.



\*\*\*\*\*  
\* Orang2 yang belum \*  
\* menjelaskan pemba- \*  
\* yaran peti2 radio \*  
\* yang di-beli-nya \*  
\* dari Jabatan Pe- \*  
\* nerangan Keraja- \*  
\* 'an Brunei ada-lah \*  
\* dengan ini di-minta \*  
\* menjelaskannya, \*  
\* baik bayaran pada \*  
\* bulan2 yang sudah \*  
\* mau pun pada tiap2 \*  
\* bulan sahingga je- \*  
\* las habis pembayar- \*  
\* an-nya, tepat pada \*  
\* tiap2 hujung bulan. \*  
\* \*  
\*\*\*\*\*

Peraduan membaca Qoran antara sambutan2 Bulan M<sup>h</sup>oharram tahun ini akan segera di-langsongkan pada 19hbl. July tahun ini bertempat di-Mesjid Besar Pekan Brunei. Berita lanjutnya di-muka lain.

CHIEF SECRETARY SARAWAK MENINGGAL DUNIA DI-LAWAS -

Dengan sedih di-beritakan bahawa Tuan Chief Secretary bagi Governor Negeri Sarawak, Mr J.C.H. Barcroft C.M.G., O.S.S. telah meninggal dunia di-Lawas bahagian yang ke-V, Sarawak pada 6hbl. June, 1958, akibat serangan penyakit jantung.

Tuan Barcroft telah mengadakan satu lawatan-nya yang resmi ka-Lawas, dan telah meninggal dunia di-rumah Pegawai Daerah disana, walau pun usaha mengubati-nya telah di-jalankan oleh jururawat dan doktor yang telah di-terbangkan ka-Lawas dengan helikopter BSP Co. Seria; dan semakin pula penyakit itu bertambah berat

Mayat beliau telah di-terbangkan ka-Kuching pada ke-esokan hari-nya melalui Brunei dari mana mayat itu terus di-terbangkan dengan kapal terbang kepunya'an Sharikat Brunei Shell Petroleum, dengan di-iringkan oleh Mem Tuan Gilbert (isteri British Resident Brunei) mewakili British Resident dan juga Mr Widdap mewakili BSP Co., Seria. Resident Limbang Mr Jack juga ikut bersama2 dalam kapal terbang itu.

Istiadat mengebumikan-nya telah di-langsungkan di-Gereja St Thomas, Kuching pada 7hbl. June, 1958.

Tuan Barcroft baharu sahaja menjawat jawatan sabagai Chief Secretary sa-bulan yang lalu menggantikan Tuan J.H. Ellis yang telah bersara. Dalam tahun 1950 Tuan Barcroft telah menjadi British Resident Brunei dan telah di-lantek menjadi Senior Resident dalam tahun 1952. Dalam masa perkhidmatan beliau di-Brunei, beliau telah di-kasehi oleh segala lapisan rakyat Brunei.

Tuan Barcroft yang telah berusia 49 tahun telah berkhidmat dengan Keraja'an selama 28 tahun. Beliau telah menjadi Ahli Mashuarat Negeri Sarawak selama 12 tahun dan menjadi Ahli Supreme Council selama 4 tahun. Beliau baharu sahaja di-kurniai bintang kehormatan C.M.G. pada tahun lalu di-hari sambutan keputera'an

\*\*\*\*\*  
D.P.P. MENYAMPAIKAN PERISAI HARI INI

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha hari ini akan berangkat ka-Sengkurong kerana menyampaikan perisai kebun yang terbaik sekali di-antara sekolah2 di-Brunei, istiadat-nya akan di-langsungkan dalam penutupan Tamasha Hari Ibu Bapa Sekolah Melayu Sengkurong.

Yang Teramat Mulia itu akan tiba di-sekolah tersebut pada pukul 5.00 petang ini dan akan menyampaikan hadiah tersebut kepada Sekolah Melayu Sengkurong, sekolah yang terbaik sakali dalam bahagian kebun dalam Brunei tahun ini.

Hadiah itu ialah berupa sa-biji Perisai di-edarkan pada tiap2 tahun.

\*\*\*\*\*  
Baginda Ratu Elizabeth II di-Kuching.

Uchapan2 takziah telah di-kawatkan ka-Kuching dari Keraja'an Brunei dan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri menuju Private Secretary, Governor Sarawak.

Baginda2 dan Keraja'an Brunei berasa penoh dukachita atas kematian yang mengejut yang menimpa atas diri Tuan Barcroft itu. Uchapan2 takziah dari luar negeri juga di-terima.

P.W.D. WORKSHOP SPORTS CLUB BANDAR BRUNEI MENGALAHKAN KUALA BELAIT RECREATION CLUB

Pasokan bola sepak kesebelasan P.W.D. Workshop Sports Club Bandar Brunei dalam satu perlawanan bola sepak dengan pasokan kesebelasan Kuala Belait Recreation Club yang telah berlangsung baharu2 ini bertempat di-Padang Besar Kuala Belait telah dapat menewaskan pasokan kesebelasan Belait dengan tiga gol berbalas dua. Perlawanan ini di-adakan ialah atas anjoran penduduk2 di-Kuala Belait salah satu achara sambutan bagi Hari Keputera'an Baginda Yang Maha Mulia Queen Elizabeth II di-Kuala Belait.

D.P.B. MENYAMPAIKAN PINGAT2 -

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara baharu2 ini telah menyampaikan

pingat2 kerana keselamatan memandu kereta2 Keraja'an kepada seramai 21 orang para pekerja di-Jabatan Kerjaraya Bandar Brunei yang telah memandu kereta2 tersebut dengan baik dalam antara 3 tahun hingga 30 tahun. Salain dari menyampaikan pingat2 itu Yang Teramat Mulia itu juga telah menyampaikan hadiah berupa wang bersama2 dengan pingat2 sekali.

Antara yang hadir dalam upacara menyampaikan hadiah2 dan pingat2 itu ialah Tuan Yang Berhormat British Resident Mr J.O. Gilbert. Tatkala beruchap Tuan Yang Berhormat itu antara lain menguchapkan satinggi tahniah kepada yang di-kurniai pingat2 dan hadiah2 tersebut. Salepas beruchap beliau pun menjemput dengan segala hormat-nya Yang Teramat Mulia menyampaikan pingat2 dan hadiah2.

Kapada yang bernasib baik telah menerima pingat2 dan hadiah2 berupa wang itu, pehak Jabatan Kerjaraya menguchapkan satinggi tahniah, khas-nya di-tujukan kepada Pengeran Md. Tahir bin Pengeran Sambas dan Hassim bin Japar kedua-nya yang terlana sekali memandu kereta2 Keraja'an dengan tidak mendapat apa2 bahaya atau pun kemalangan dalam tempoh perkhidmatan mereka selama lebih dua puluh tahun. Pengeran Md. Tahir telah mendapat lisen memandu kereta sejak tahun 1929, dan Hassim telah mulai berkhidmat dengan Keraja'an sejak tahun 1928.

Sabelun pemain2 dari kedua2 pasokan itu memulakan perlawanan terkenal mereka terlebih dahulu di-perkenalkan kepada Yang Mulia Tuan Pegawai Daerah Kuala Belait Pengeran Abu Bakar bin Pengeran Omar Ali. Setelah Pengeran Abu Bakar memulakan tandangan pertama bagi pembuka'an achara itu maka perlawanan saharusnya pun di-mulakan. Perlawanan ini telah di-adilkan oleh Mr Fisher.

Sapanjang perlawanan ini berjalan ramai yang telah menyaksikan-nya yang terdiri dari segala lapisan penduduk2 di-daerah itu.

Penjaringan2 yang membawakan Brunei dapat menewaskan Belait telah dilakukan oleh Sabtu bin Said, Abu Bakar bin Puteh dan Kassim bin Wahab. Masing2-nya telah menjaringkan satu gol; manakala bagi pehak Belait telah di-jaringkan oleh Pengeran Puteh dan Kassim, juga satu gol sa-orang.

Salepas perlawanan itu berakhir semua para pemain dan juga yang lain-nya dari Brunei bersama2 mereka telah di-raikan dengan mengadakan jamuan minuman di-rumah Persekutuan Kuala Belait Recreation Club.

- Sambongan dari muka 6 -

^ Mereka yang telah mendapat pingat2 serta wang tersebut adalah seperti berikut:

Yang mendapat pingat perkhidmatan 30 tahun serta wang sabanyak \$200 sa-orang ia-lah Pengeran Md. Tahir bin Pengeran Sambas dan Hassim bin Japar. Pingat perkhidmatan selama 10 tahun serta wang \$40 sa-orang ia-lah Kula bin Besar dan Hamid bin Chuchu. Pingat perkhidmatan selama 5 tahun dan wang sabanyak \$20 sa-orang ia-lah Abu Bakar bin Puteh, Tuah bin Durahman, Bungsu bin Raup, Mohammad Daud bin Damit, Abdul Rahman bin Ismail dan A. Salleh bin Abdul Rahman. Pingat perkhidmatan selama 3 tahun dan wang sabanyak \$5 sa-orang ia-lah Awg Masri bin Hitam, Chua Soo Thian, Ahmad bin Yassin, Omar bin Tamin, Yussuf bin Kula, Awangku Suhaili bin Pengeran Md. Tahir, Besar bin Jumat, Metusin bin Safar, Han Long Guan, Awangku Damit bin Pengeran Ahmad dan Medani bin Abu Bakar.

Kapada Yussuf bin Ali Akbar, pemandu kereta Keraja'an yang telah berkhidmat selama 30 tahun sabelum ia meninggal dunia di-Singapura awal tahun ini, pehak Jabatan Kerjaraya juga memanjangkan ucapan tahniah-nya dan berikhtiar akan memberikan hadiah yang seperti-nya kapada warith-nya. Jabatan ini akan menghadapkan hal ini kapada yang berkuasa.

Workshop Jabatan Kerjaraya berasa megah atas perkhidmatan2 orang yang mendapat kepujian seperti itu, berkhidmat dengan Keraja'an dengan hati2 dan membawa kereta2 dengan kechermatan. Bagitu-lah saharus-nya patut di-chuntohi oleh yang lain yang juga akan di-beri kepujian kerana jasa baik dan sifat berjaga2 membawa atau memandu kereta2.

Bukan pingat2 atau hadiah2 itu yang lebeh berharga, tetapi kerjabaik dan sifat menyelamatkan dari segala bahaya jalan raya dan sentiasa berchermat dalam memandu kereta kepunya'an Keraja'an yang bermakna satu keuntongan yang amat besar bagi Keraja'an orang yang seperti itu. Walau di-mana2 tempat pun orang yang samacham ini-lah yang amat di-kehendaki terutama dalam hubungan keselamatan jalan raya.

-----

#### PERADUAN LUKISAN KERANA SAMBUTAN HARI KEPUTERA'AN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TAHUN INI

Antara upachara2 yang akan di-adakan untok meraikan sambutan Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei yang akan di-langsungkan pada bulan September akan datang inia-lah peraduan lukisan bagi orang ramai.

Sharat2 memasoki peraduan ini dan tarikh penerima'an buah tangan yang ingin ikut serta akan di-tetapkan nanti sasudah satu lagi persidangan Jawatan Kuasa Kechil Bahagian Peraduan Lukisan di-adakan.

Ahli2 Jawatan Kuasa ini ia-lah:

Che'gu Pengeran Momin bin Pengeran Othman (Pengurus), Che'gu Handani bin Abdul Rahman (Setia Usaha) dan dibantu oleh Che'gu Abdi Manaf bin Abu Bakar dan Che'gu Pengeran Tuah bin Pengeran Chuchu.

Walaupun bagaimana para yang ingin bersedia untok memasoki peraduan ini bolehlah berhubung dengan salah satu ahli yang tersebut di atas.

Untuk pengetahuan orang ramai di-bawah ini di-siarkan chabutan peringatan mengenai wang kertas dan perak yang dikeluarkan oleh Pesuruh Jaya Kewangan. Wang ini ia-lah yang dalam peredaran pada lhbl. May, 1958:

Jumlah wang kertas yang dalam peredaran ia-lah sebanyak \$947,406,244.62 .

Jumlah wang perak yang dalam peredaran ia-lah sebanyak \$46,074,533.33 .

-----  
PERSIDANGAN MENCHEGAH MALARIA BERTEMPAT DI-SIBU --

Telah di-langsungkan beharu2 ini persidangan antara tiga buah Daerah Borneo British: Brunei, Borneo Utara dan Sarawak kerana merundingkan perkara berhubong dengan penche-gahan penyakit malaria di-Sibu dan di-Nangga Balleh di-Bahagia Ketiga, Sarawak.

Wakil dari Brunei untuk menghadziri persidangan ini ia-lah Dr M.A. Rozalla.

Telah di-fahamkan bahawa Keraja'an Indonesia juga telah menghantarkan wakil-nya menghadziri ka-persidangan tersebut. Wakil2 dari Indonesia itu berbilang sabanyak 9 orang ikut bersidang bersama2 dengan para wakil2 dari Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.

\*\*\*\*\*

SAMBUTAN HARI2 IBU BAPA SEKOLAH2 MELAYU SENKGURONG, BERAKAS DAN BARU-BARU

Sambutan Hari2 Ibu Bapa Sekolah2 Melayu Sengkurong, Berakas dan Baru-Baru yang telah di-mulakan dengan berbagai2 achara sejak Hari Khamis yang lalu akan menamatkan achara-nya pada malam ini.

Antara lain achara2 bagi menyambut Hari Ibu Bapa di-sekolah2 tersebut termasuk pertunjokkan2 dalam sekolah, malam gembera dan permainan di-padang dengan berbagai2 perlumba'an.

Berbagai2 achara juga telah di-adakan pada malam2 gembera, yang antara lain termasuk peraduan2 membacha Qoran, Bang, membacha sajak, menyanyi, peraduan lawak jenaka dan persembahan2 dari budak2 sekolah masing2 saperti tari2an dan lagu2. Segala peraduan2 itu ada juga terbuka kepada ramai atau hanya terbuka kepada orang kampong di-dalam mana sekolah2 terdiri.

Di-Baru2 ada menunjukkan tarian bubu, sabagai satu pertunjokkan istimewa

yang berdasarkan kebudayaan kebangsa'an sendiri.

Ketiga2 sekolah ini Tamasha HIB-nya telah mendapat sambutan baik dari orang ramai. HIB tahun ini ada-lah lebeh lagi meriah-nya dari tahun2 yang sudah.